

Headline
Date
Media Title
Section
Circulation
Readership

Mati bawah lori tangki

14. Oct 2008

Harian Metro

Setempat

336603

2192000

Language

MALAY

Page No

12

Article Size

280 cm²

Frequency

Daily

Color

Full Color

AdValue



Mati bawah lori tangki

Kakitangan LHDN terjatuh digesel 'lori hantu'



MOHD IDRIS...maut

>>Oleh Mohd Jamilul Anbia
Md Denin
anbia@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Seorang kakitangan Lemba Hasil Dalam Negeri (LHDN) maut dalam keadaan ngeri apabila dia diseret sebelum kepalanya digilis tayar lori tangki minyak sehingga mengakibatkan kepala dan topi keledar dipakai mangsa hancur berkecaci.

Dalam kejadian kemalangan jam 7.30 pagi semalam, mangsa Mohd Idris Mamat, 28, dikatakan menunggang motosikal untuk ke pejabatnya di Cheras, di sini, sebelum tiba-tiba terjatuh ke arah lori minyak berkenaan yang sedang bergerak.

Saksi kejadian, Suhaimi Che Mat, 44, berkata mangsa maut digilis tayar belakang lori tangki berkenaan berhampiran susur keluar Bandar Tun Razak, Jalan raya Lingkaran Tengah (MRR2) ketika menunggang motor bersendirian.

Menurutnya, beberapa pengguna jalan raya mendakwa mangsa yang memandu motosikal di lorong tengah lebuh raya itu dihimpit dan digesel sebuah lori 'hantu' menyebabkan dia hilang imbang dan terjatuh.

"Namun agak malang, mangsa terjatuh ke bawah lori tangki yang sedang bergerak di lorong paling kiri menyebabkan mangsa tidak



ANGKAT...
anggota polis
mengangkat
jenazah
mangsa
untuk dibawa
ke hospital.

sempat mengelak sebelum digilis tayar belakang bahagian kanan lori tangki minyak itu.

"Namun lori hantu seberat satu tan yang menghimpit mangsa terus memecut melarikan diri dan gagal dikenal pasti nombor pendaftarnya," katanya.

Menurutnya, kejadian kemalangan itu amat menggerik kerana kepala mangsa hampir berkecaci sama sekali akibat digilis.

"Malah saya tidak sampai hati untuk melihat keadaan mangsa apabila mendapati cebisan otaknya berterburuan di atas jalan."

"Akibatnya, pengguna jalan raya yang sedih melihat keadaan mangsa segera menu-

tup mayat mangsa menggunakan surat khabar sebelum membuat panggilan kecemasan kepada polis dan pihak Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM)," katanya.

Sementara itu, beberapa rakan karib mangsa yang dijumpai di lokasi kejadian tidak dapat menahan air mata sejurus melihat keadaan mangsa terburuk berlumuran darah.

Rakan serumah mangsa, Sham Shafie, 28, berkata dia adalah individu terakhirnya bercakap dengan mangsa sebelum Idris keluar dari rumah untuk ke tempat kerja, pagi semalam.

Menurutnya, Idris hanya sempat berkata dia terlewat

berulang kali sebelum segera menghidupkan enjin motosikal dan keluar dari pintu pagar rumah sewa mereka di Seri Kembangan, Serdang, di sini.

"Dia biasanya keluar dari rumah sekitar jam 7 pagi, namun entah mengapa dia terlewat pagi tadi dan tergesa-gesa keluar ke pejabat pada jam 7.15 pagi," katanya.

Menurutnya, mangsa menyewa serumah dengan tiga rakan lain sejak dua tahun lalu sebaik menamatkan pengajian di Universiti Putra Malaysia (UPM).

"Dia seorang rakan baik yang peramah dan amat mengambil berat terhadap keluarga," katanya.